

# GAMBARAN KESELURUHAN TAWARAN



## TEMASEK BOND

### Bon T2023-S\$ 5 tahun

Kadar faedah tetap 2.70% setahun  
Jumlah Tawaran hingga S\$400 juta

### Dibuka kepada pelabur runcit

Bermula daripada S\$1,000

**Mohon untuk Tawaran  
Awam selewat-lewatnya  
hari Selasa, 23 Okt,  
12 tengah hari**

Anda perlu mempunyai akaun CDP untuk memohon melalui:




#### ATM

- DBS atau POSB
- OCBC
- UOB



#### Lelaman perbankan Internet

- DBS atau POSB
- OCBC
- UOB



#### Aplikasi perbankan mudah alih

- DBS atau POSB

Untuk maklumat lanjut, sila layari

**[temasek.com.sg/bondoffer](https://temasek.com.sg/bondoffer)**

Baca Gambaran Keseluruhan Tawaran dalam bahasa Inggeris, Cina, Melayu atau Tamil di **[temasek.com.sg/bondoffer/downloads](https://temasek.com.sg/bondoffer/downloads)**<sup>1</sup>

Bon tersebut tidak boleh ditawarkan atau dijual di Amerika Syarikat atau kepada warga A.S.

16 Oktober 2018

**TEMASEK**



## APAKAH YANG HARUS SAYA KETAHUI SEBELUM MELABUR DALAM BON?

### APAKAH RISIKO YANG AKAN SAYA HADAPI APABILA MELABUR DALAM BON?

Semua pelaburan ada risikonya. Ini termasuk pelaburan bon.

Apabila anda melabur dalam apa-apa bon, pada dasarnya anda meminjamkan wang kepada penerbit bon.

Biasanya, anda akan dibayar faedah sebanyak dua kali setahun sepanjang tempoh bon tersebut, dan boleh menjangka akan menerima jumlah prinsipal sepenuhnya apabila bon tersebut matang.<sup>2</sup>

Para pelabur bon menghadapi beberapa risiko<sup>3</sup> utama seperti risiko mungkir, kadar faedah, kecairan dan inflasi.

#### RISIKO MUNGKIR

Risiko mungkir berkemungkinan berlaku apabila penerbit bon gagal membayar faedah yang patut diberikan, atau gagal membayar balik jumlah prinsipal apabila bon mencapai tempoh matang.


Risiko mungkir oleh setiap penerbit berbeza, bergantung pada kedudukan kewangan, hutang dan tanggungjawab lain yang masing-masing dihadapi.<sup>2</sup>

Anda perlu mengetahui lebih lanjut tentang kualiti kredit sesuatu penerbit sebelum membeli bon mereka.<sup>2</sup> Sila lihat “Bagaimanakah Boleh Saya Memahami Kualiti Kredit Temasek?” pada Halaman 5 dan 6.

Sesetengah penerbit, atau bon mereka, dinilai oleh agensi penarafan kredit, berdasarkan penilaian masing-masing dari segi kualiti aset, aliran tunai, kedudukan kecairan tunai dan beberapa faktor lagi. Setiap agensi menetapkan sendiri kriteria proprietari mereka untuk menilai kualiti kredit.<sup>2</sup>

Berdasarkan keadaan sebelum ini, penerbit yang mempunyai kualiti kredit lebih tinggi kurang berkemungkinan akan mungkir, dan dengan demikian pada umumnya membayar kadar faedah lebih rendah. Sebaliknya, penerbit yang mempunyai kualiti kredit lebih rendah lebih berkemungkinan akan membayar kadar faedah yang lebih tinggi, kerana para pelabur menghadapi risiko mungkir yang lebih tinggi.<sup>2</sup>

**Purata Kadar Mungkir Korporat Tahunan<sup>4</sup>: 1998 – 2017 (%)**



Berdasarkan data dalam Moody's Investors Service, Annual Default Study: Corporate Default and Recovery Rates, 1920 – 2017, 15 Februari 2018.


## RISIKO KADAR FAEDAH

Harga pasaran sesuatu bon mungkin turun naik. Jika kadar faedah meningkat, harga pasaran bon anda mungkin menurun, dan begitu juga sebaliknya.

### JIKA KADAR FAEDAH MENINGKAT



### JIKA KADAR FAEDAH MENURUN



Mengapakah berlaku sedemikian?

Jika kadar faedah meningkat, pembeli bon mempunyai pilihan untuk melabur dalam bon baru yang diterbitkan pada kadar faedah lebih tinggi. Anda mungkin sukar mendapat pembeli, melainkan anda mengurangkan harga tawaran anda supaya dapat menarik perhatian bakal pembeli bon. Justeru itu, harga pasaran bon anda mungkin menurun apabila kadar faedah meningkat.

Jika anda ingin menjual bon anda sebelum bon tersebut matang, anda mungkin mengalami kerugian sebahagian daripada jumlah prinsipal yang anda laburkan jika harga pasaran bernilai kurang daripada harga belian anda pada masa anda menjualnya.

## RISIKO KECAIRAN

Walaupun bon disenaraikan, berkemungkinan terdapat hanya segelintir pembeli untuk beberapa bon.

Dalam keadaan pasaran atau ekonomi yang suram ini, berkemungkinan tiada pembeli bon sama sekali.

Anda mungkin tidak berjaya mendapat pembeli untuk bon anda dalam keadaan sedemikian.

## RISIKO INFLASI

Inflasi bermaksud jumlah wang yang sama membolehkan anda membeli barang yang kurang.

Apabila inflasi meningkat, bayaran faedah tetap dan jumlah prinsipal apabila matang akan berkurang nilainya.

1 Versi bahasa Cina, Melayu dan Tamil adalah hasil terjemahan daripada versi bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan atau percanggahan antara versi bahasa Inggeris dan versi terjemahan, sila rujuk versi bahasa Inggeris.


2 Hal yang demikian ini tidak membentuk bahagian Surat Edaran Tawaran atau Tambahan Penentuan Harga dan diberikan sebagai maklumat am sahaja.

3 Sila lihat bahagian "Faktor risiko" dalam Surat Edaran Tawaran untuk membaca huraian tentang risiko utama yang lain.

4 Hal yang demikian ini tidak membentuk bahagian Surat Edaran Tawaran atau Tambahan Penentuan Harga dan diberikan sebagai maklumat am sahaja. Moody's Investors Service tidak memberikan persetujuannya untuk memasukkan maklumat sedemikian ke dalam dokumen ini, oleh itu mereka tidak bertanggungjawab ke atas maklumat sedemikian. Pihak Temasek dan juga Penerbit tidak menjalankan ulasan bebas tentang maklumat tersebut atau mengesahkan ketepatannya, dengan itu tidak bertanggungjawab ke atas maklumat sedemikian.





PORTFOLIO KAMI

Nilai Bersih Portfolio Temasek Sejak Bermula



- Temasek ialah pelabur yang memiliki dan mengurus pelaburan sendiri secara komersil
- Kami merupakan pelabur generasi yang berhasrat menyampaikan nilai lestari untuk jangka panjang
- Portfolio kami bernilai S\$308 bilion<sup>5</sup>, dengan tumpuan seperti yang digambarkan di bawah

Profil Tumpuan dalam Portfolio<sup>5</sup>



## ALIRAN MASUK & KELUAR DI TEMASEK

Sebahagian besar sumber dana Temasek adalah daripada portfolio kami, melalui penjualan pelaburan, dividen dan agihan pelaburan.



<sup>5</sup> Setakat 31 Mac 2018.

<sup>6</sup> Pengagihan berdasarkan aset pendasar.

<sup>7</sup> Terutamanya wang tunai dan yang setara dengan wang tunai, dan pelaburan yang setiap satunya mewakili faedah sub-20% dalam syarikat tersenarai.

<sup>8</sup> Di bawah Akta Menteri Kewangan Singapura (Penubuhan) (Bab 183), Menteri Kewangan ialah satu badan yang ditubuhkan, yang memiliki sahamnya sendiri di dalam syarikat bagi pihak Pemerintah Singapura.

<sup>9</sup> Kos berkaitan merangkumi belanja operasi dan pembiayaan; kos transaksi seperti usaha wajar, undang-undang, audit, khidmat nasihat dan bayaran-bayaran lain; bayaran pengurusan dana untuk dana; dan pelbagai kos perniagaan yang lain.

<sup>10</sup> Temasek membayar cukai sama seperti syarikat berkeuntungan biasa yang lain, dan tidak menuntut kekebalan berdaulat daripada membayar cukai.



## BAGAIMANAKAH BOLEH SAYA MEMAHAMI KUALITI KREDIT TEMASEK?

### MENGAPAKAH TEMASEK MENERBITKAN BON?

Secara ringkasnya, Temasek telah menerbitkan bon kepada para pelabur institusi, pelabur yang diiktiraf dan pelabur tertentu yang lain sejak tahun 2005, sebagai bentuk disiplin kewangan.

Turun naik harga Bon Temasek kami, berbanding dengan bon lain, berfungsi sebagai isyarat awam tentang kemungkinan perubahan pada kualiti kredit kami.

Sumber utama dana kami adalah daripada penjualan pelaburan, dividen dan agihan pelaburan portfolio kami. Kami tidak bergantung pada bon untuk membiayai pelaburan kami.

Kami mengakhiri tahun kewangan dengan kedudukan wang tunai bersih, selama 11 tahun berturut-turut. Ini bermaksud kami telah memiliki wang tunai dalam tangan yang lebih banyak berbanding wang yang telah dipinjam.

### APAKAH PEMINJAMAN TEMASEK?

Pembiayaan kami berciri fleksibel antara hutang jangka panjang dan hutang jangka pendek, masing-masing melalui Program Nota Tempoh Sederhana Global Terjamin kami yang bernilai US\$20 bilion, dan Program Kertas Perdagangan Euro (ECP) kami yang bernilai US\$5 bilion.

Setakat 31 Mac 2018, nilai bersih portfolio kami ialah sebanyak S\$308 bilion. Nilai ini melebihi 24 kali daripada Jumlah Hutang kami yang sebanyak S\$12.8 bilion, iaitu terdiri daripada S\$11.4 bilion Bon Temasek dan S\$1.4 bilion ECP.

#### Nilai Bersih Portfolio dibahagikan dengan Jumlah Hutang<sup>5</sup>

24 kali




Bon Temasek dengan tempoh matang yang lebih panjang mempunyai purata matang berwajaran selama lebih 11 tahun, dengan agihan matang seperti yang digambarkan di bawah, manakala ECP dengan tempoh matang yang lebih pendek mempunyai purata matang berwajaran selama lebih kurang dua bulan.

#### Profil Matang Bon Temasek Belum Bayar

(setakat 31 Mac 2018)

Jumlah Bon Temasek Belum Bayar setakat 31 Mac 2018: **S\$11.4 bilion**




Kami mungkin menerbitkan bon baru dari masa ke semasa, berdasarkan keperluan kami dan keadaan pasaran. Contohnya, selepas 31 Mac 2018, kami menerbitkan Bon Temasek T2028-US\$, bernilai US\$1.35 bilion, pada 1 Ogos 2018. Setelah itu, kami menerbitkan pula Bon Temasek T2023-S\$ yang ditawarkan pada masa ini.

### APAKAH YANG BARU?

Sebelum ini, Bon Temasek hanya ditawarkan kepada pelabur institusi, pelabur yang diiktiraf dan pelabur tertentu yang lain. Buat kali pertama, pelabur runcit boleh memohon untuk melabur dalam Bon Temasek, T2023-S\$.

## NISBAH KREDIT UTAMA

Penunjuk kualiti kredit utama<sup>11,12,13</sup> yang digambarkan di bawah adalah berdasarkan kedudukan kewangan Temasek sebagai sebuah syarikat pelaburan. Penunjuk ini mencerminkan keupayaan kami untuk melunaskan pembayaran faedah dan membayar balik hutang kami. Untuk nisbah ini, lebih tinggi gandaannya, lebih tinggi pula kualiti kreditnya.



## PENARAFAN KREDIT

Secara keseluruhan, Temasek mendapat penarafan kredit<sup>15</sup> korporat **AAA/Aaa** oleh S&P Global Ratings dan Moody's Investors Service masing-masing sejak penarafan sulung kami pada tahun 2004. Semua Bon Temasek diterbitkan setakat ini telah menerima penarafan AAA.

5 Setakat 31 Mac 2018.

7 Terutamanya wang tunai dan yang setara dengan wang tunai, dan pelaburan yang setiap satunya mewakili faedah sub-20% dalam syarikat tersenarai.


11 Bagi tahun berakhir 31 Mac.

12 Ini merupakan grafik ringkas berdasarkan penunjuk kualiti kredit Temasek sebagai syarikat pelaburan. Sila lihat "Perniagaan Temasek - Profil Kredit" di dalam Surat Edaran Tawaran untuk membaca huraian tentang profil kredit Temasek bagi tahun berakhir 31 Mac 2016, 2017 dan 2018.

13 Berdasarkan maklumat kewangan Temasek sebagai syarikat pelaburan, iaitu Temasek Holdings (Private) Limited (THPL) dan Investment Holding Companies (IHC) miliknya. IHC ditakrifkan sebagai anak syarikat milik penuh langsung dan tidak langsung THPL, yang lembaga pengarah atau badan pentadbiran setaranya terdiri daripada pekerja atau penama THPL, Temasek Pte. Ltd. (TPL) milik penuh dan/atau anak-anak syarikat milik penuh TPL. Aktiviti utama THPL dan IHC miliknya ialah pemegang pelaburan, kewangan dan/atau peruntukan perkhidmatan nasihat dan rundingan pelaburan.

14 Penjualan pelaburan, pendapatan dividen, pendapatan daripada pelaburan dan pendapatan faedah.

15 Sebarang penarafan kredit yang diberikan kepada Temasek atau bon tersebut adalah kenyataan pendapat dan bukannya nasihat untuk membeli, menjual atau menyimpan bon tersebut, dan pelabur harus memutuskan sama ada pelaburan tersebut wajar dilakukan. Terutamanya, penarafan kredit bukan bertujuan untuk kegunaan pelabur runcit, dan pelabur runcit tidak harus mempertimbangkan penarafan kredit dalam membuat sebarang keputusan pelaburan. Semua pelabur harus menghubungi penasihat kewangan atau profesional masing-masing sebelum membuat sebarang keputusan berdasarkan penarafan kredit. S&P Global Ratings dan Moody's Investors Service tidak memberikan persetujuan mereka untuk memasukkan maklumat sedemikian ke dalam dokumen ini, oleh itu mereka tidak bertanggungjawab ke atas maklumat sedemikian.



## APAKAH ITU BON TEMASEK?



### APAKAH JENIS PELABURANNYA?

Bon Temasek T2023-S\$ diterbitkan oleh Temasek Financial (IV) Private Limited, sebuah anak syarikat milik penuh Temasek.

Para pelabur menerima faedah, atau kupon, ke atas jumlah prinsipal bon mereka, dan dijangka akan mendapat semula jumlah prinsipal bon mereka apabila sampai tempoh matang. Temasek menjamin sepenuhnya semua bayaran faedah yang patut dibayar, dan pembayaran balik penuh bagi jumlah prinsipal apabila sudah matang.

Temasek tidak menjamin prestasi pasaran semasa tempoh tersebut. Bon mungkin dibeli atau dijual di Bursa Singapura (SGX), pada harga pasaran.

Sila lihat risiko yang diserahkan dalam "Apakah yang Harus Saya Ketahui Sebelum Melabur dalam Bon?" di Halaman 1 dan 2.

	<b>Penawaran</b> Kepada pelabur institusi, pelabur yang diiktiraf dan pelabur tertentu yang lain	<b>Tawaran Awam</b> Kepada pelabur runcit di Singapura
<b>Penerbit</b>	Temasek Financial (IV) Private Limited	
<b>Penjamin</b>	Temasek Holdings (Private) Limited	
<b>Kadar kupon</b>	Kadar tetap sebanyak 2.70% setahun, dibayar setiap enam bulan	
<b>Tempoh</b>	5 tahun	
<b>Tarikh matang</b>	Dijangka matang pada 25 Oktober 2023, melainkan telah ditebus dan dibatalkan sebelumnya, atau dibeli dan dibatalkan, seperti yang dinyatakan dalam terma dan syarat bon	
<b>Jumlah tawaran:</b> Hingga S\$400 juta (tertakluk kepada penambahan, hingga S\$500 juta)  Peruntukan muktamad antara Penawaran dan Tawaran Awam mungkin berubah.	S\$200 juta	Hingga S\$200 juta
<b>Permohonan minimum</b>	S\$250,000 atau jumlah lebih tinggi dalam gandaan S\$250,000	S\$1,000 atau jumlah lebih tinggi dalam gandaan S\$1,000

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk pada [temasek.com.sg/bondoffer](https://temasek.com.sg/bondoffer).

Gambaran Keseluruhan Tawaran ini perlu dibaca berserta Surat Edaran Tawaran yang bertarikh 3 Ogos 2018 dan Tambahan Penentuan Harga serta Helaian Sorotan Produk yang bertarikh 16 Oktober 2018.<sup>16</sup> Maklumat dalam Gambaran Keseluruhan Tawaran ini, Surat Edaran Tawaran, Tambahan Penentuan Harga serta Helaian Sorotan Produk harus dibaca mengikut tarikh masing-masing, melainkan dinyatakan sebaliknya atau konteks tersebut menghendaki sebaliknya dalam hal itu. Rujukan kepada "Temasek" bermaksud Temasek Holdings (Private) Limited (THPL), atau THPL dan Investment Holding Companies miliknya secara bersesama, mengikut konteks yang dikehendaki.





## BAGAIMANAKAH PERMOHONAN BOLEH DILAKUKAN?

Ia adalah penting untuk anda membaca Surat Edaran Tawaran yang bertarikh 3 Ogos 2018, serta Tambahan Penentuan Harga dan Helaian Sorotan Produk yang bertarikh 16 Oktober 2018, sebelum membuat keputusan untuk melabur.

Sila berunding dengan penasihat kewangan anda atau profesional lain yang sesuai, jika anda mempunyai soalan lanjut tentang maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini atau perkara yang harus anda lakukan.

Temasek tidak dapat memberi anda nasihat kewangan atau nasihat pelaburan tentang tawaran ini, atau sebarang perkara lain yang berkaitan dengan tawaran ini.

Anda perlu mempunyai akaun CDP untuk memohon di bawah Tawaran Awam untuk Bon Temasek T2023-S\$. Jika anda ingin memperdagangkan bon di pasaran, anda juga perlu mempunyai akaun perdagangan yang dikaitkan dengan akaun CDP anda. Anda tidak perlu mempunyai akaun perdagangan untuk memohon di bawah Tawaran Awam.

### TARIKH PENTING<sup>17</sup>

Rabu  
17 Okt

Permohonan di bawah Tawaran Awam dibuka<sup>18</sup>




ATM

- DBS atau POSB
- OCBC
- UOB



Lelaman perbankan Internet

- DBS atau POSB
- OCBC
- UOB



Aplikasi perbankan mudah alih

- DBS atau POSB

Selasa  
23 Okt

Tawaran Awam ditutup

Rabu  
24 Okt

Pengundian permohonan jika Tawaran Awam terlebih langgan.  
Bermula pemulangan wang permohonan kepada pemohon yang tidak sah atau separuh berjaya.

Rabu  
24 Okt

Jangkaan pengumuman di SGXNET tentang keputusan tawaran

Khamis  
25 Okt

Jangkaan tarikh penerbitan

Jumaat  
26 Okt

Jangkaan mula perdagangan di Papan Utama SGX-ST

<sup>16</sup> Sila lihat bahagian "Faktor risiko" di dalam Surat Edaran Tawaran untuk melihat butiran perbincangan tentang risiko tertentu yang berkaitan dengan pelaburan dalam bon, termasuk faktor risiko yang "Tiada jaminan bahawa Penerbit dan/atau Penjamin akan mempunyai aliran tunai yang mencukupi untuk memenuhi tanggungjawab pembayaran di bawah bon tersebut".

<sup>17</sup> Jadual tersebut dipaparkan sebagai petunjuk sahaja dan tertakluk kepada perubahan. Tarikh dan masa adalah berdasarkan tarikh dan masa Singapura. Pihak Penerbit dan Temasek boleh, dengan kelulusan daripada SGX-ST (jika dikehendaki) melanjutkan, memendekkan atau mengubah suai jadual di atas, tertakluk kepada sebarang pengehadan menurut mana-mana undang-undang yang dikenakan. Terutamanya, pihak Penerbit dan Temasek akan, menggunakan budi bicara mutlak untuk menutup Tawaran Awam dan/atau Penawaran lebih awal. Sebarang perubahan yang dibuat pada jadual di atas akan diumumkan secara terbuka melalui pengumuman SGXNET yang akan disiarkan di laman SGX-ST di [www.sgx.com](http://www.sgx.com).

<sup>18</sup> Individu dikehendaki mempunyai akaun Sekuriti CDP untuk membuat permohonan.



## HUBUNGI KAMI

Jika anda ingin mendapatkan sebarang maklumat, sila hubungi salah satu talian 24 jam di bawah, yang dibuka setiap hari sehingga 12 tengah hari, 23 Oktober 2018.

Bank	Telefon
	1800 111 1111 (DBS)    1800 339 6666 (POSB)
	1800 363 3333
	1800 222 2121



## MAKLUMAT PENTING

**BUKAN UNTUK PENYIARAN ATAU PENGEDARAN DI ATAU KE AMERIKA SYARIKAT.** Maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini layak keseluruhannya dengan, dan harus dibaca berserta, teks penuh Surat Edaran Tawaran dan Tambahan Penentuan Harga (yang harus mengatasi sebarang maklumat yang tidak jelas, berbeza atau tertinggal antara dokumen ini serta Surat Edaran Tawaran dan Tambahan Penentuan Harga). Istilah yang menggunakan huruf besar di dalam dokumen ini tetapi tidak ditakrifkan, sebaliknya akan terdapat maknanya di dalam Surat Edaran Tawaran dan Tambahan Penentuan Harga.

Sesiapa yang ingin melanggan bon tersebut harus membaca Surat Edaran Tawaran, Tambahan Penentuan Harga dan Helaian Sorotan Produk sepenuhnya dan mesti membuat permohonan mengikut cara yang ditetapkan dalam Surat Edaran Tawaran dan Tambahan Penentuan Harga. Dokumen ini tidak, dan tidak bertujuan untuk dijadikan, nasihat pelaburan. Anda juga harus berunding dengan penasihat pelaburan, perniagaan, undang-undang, cukai, kewangan dan penasihat profesional yang lain untuk membantu anda menentukan kesesuaian bon tersebut untuk anda sebagai pelaburan. Anda harus membuat pelaburan hanya setelah anda mempertimbangkan dengan teliti dan menentukan bahawa pelaburan sedemikian sesuai untuk objektif pelaburan kewangan anda berdasarkan pengalaman, objektif, kedudukan kewangan anda dan keadaan lain yang berkaitan. Dokumen ini bukan satu prospektus, mahupun jemputan atau tawaran untuk memperoleh, membeli atau melanggan bon. Dokumen ini tidak boleh dimajukan atau diedarkan kepada sesiapa pun dan tidak boleh dihasilkan semula dalam apa cara sekalipun. Dokumen ini bukan satu tawaran jaminan untuk jualan di Amerika Syarikat atau sebarang bidang kuasa yang tiada kebenaran untuk melakukan tawaran tersebut atau kepada sesiapa yang tidak dibenarkan di sisi undang-undang untuk membuat tawaran sedemikian. Bon ini tidak boleh ditawarkan atau dijual tanpa pendaftaran di Amerika Syarikat atau pengecualian daripada pendaftaran menurut U.S. Securities Act of 1933, sebagaimana yang dipinda. Tiada mana-mana bahagian tawaran yang dicadangkan ini bertujuan untuk didaftarkan atau dijalankan di Amerika Syarikat. Bon yang ditawarkan atau dijual adalah hanya kepada bukan warga A.S. di luar Amerika Syarikat.